




IQRA'

BIL. 11/2025
NOVEMBER



Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian/PTJ: Lawatan dan Khidmat Runding Pelupusan Rekod Bersama Pejabat Polis Bantuan,UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun

Disediakan oleh :Abdul Hadi Idris, Pembantu Pustakawan Kanan.
Tarikh : 17 November 2025



Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod Dan Arkib Bersama Bahagian/PTJ: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan di Pejabat Polis Bantuan, UiTMCT Kampus Dungun pada 17 November 2025 (Isnin).

Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib ini diadakan bagi memperkukuhkan kefahaman dan amalan terbaik berkaitan pengurusan rekod di peringkat Bahagian/ PTJ. Lawatan secara bersemuka ke Pejabat Polis Bantuan, UiTMCT Kampus Dungun bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 11.30 pagi ini dikendalikan oleh Encik Md Kamil bin Ibrahim (Pustakawan Kanan) daripada Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun manakala Unit Polis Bantuan diwakili 5 orang staf diketuai oleh ASP/PB Tuan Suhadi Ismail, merupakan sebahagian daripada inisiatif jabatan untuk memberi khidmat runding, pemantauan serta bimbingan berkaitan proses pelupusan rekod mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia dan dasar pengurusan rekod UiTM. Melalui sesi ini, kerjasama strategik antara pihak pengurusan rekod dan PTJ dapat diperkukuh bagi memastikan rekod jabatan diurus secara sistematik, teratur, selamat dan mematuhi piawaian.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my